

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR]

TARIKH : 3 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN AHMAD BIN HASSAN [PAPAR] minta **MENTERI WILAYAH PERSEKUTUAN** menyatakan pendekatan realistik yang sedang dilaksanakan oleh Kementerian bagi memastikan Inisiatif Usahawan Muda Kota dapat memberi nilai tambah kepada aktiviti keusahawanan '*urban youths*' yang sedia ada dari aspek kemapanan perniagaan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat Pagar, Program Pembangunan Usahawan Anak Muda Kota di Kuala Lumpur diwujudkan bagi menggalakkan penyertaan belia dalam bidang keusahawanan pasca pandemik COVID-19 terutamanya mereka yang hilang pekerjaan dan kekurangan punca pendapatan bagi membolehkan mereka menjana pendapatan melalui aktiviti perniagaan. Di samping itu, program ini turut bertujuan untuk memberi peluang kepada usahawan belia untuk berniaga di lokasi tumpuan orang ramai dengan memperbanyakkan kawasan perniagaan di lokasi tersebut khususnya di pusat bandar Kuala Lumpur. Sebanyak 1,122 kiosk dan ruang niaga disasarkan dalam tempoh 3 tahun mulai tahun 2020.

Bagi memastikan kemampunan perniagaan, usahawan diberi peluang untuk memilih pelbagai lokasi strategik (*hot spot*) untuk berniaga termasuklah di kawasan *River of Life* (RoL), pusat bandar, berhampiran perhentian bas dan teksi serta di pusat membeli-belah Berjaya Times Square. Di samping itu, bagi memastikan usahawan mendapat pulangan tunai harian yang cepat, jenis perniagaan yang dijalankan adalah seperti makanan dan minuman, *side walk cafe*, *mini convenience store*, cenderahati, perniagaan bergerak (*food truck*) serta lain-lain perkhidmatan seperti jahitan dan membaiki kasut.

Di samping itu, Kementerian Wilayah Persekutuan menawarkan kadar sewa yang lebih murah berbanding kadar pasaran dan bertindak memudahcara dari segi kemudahan sama ada dalam bentuk pemberian lesen perniagaan, pembiayaan perniagaan, pemasaran produk, khidmat nasihat perniagaan dan latihan peningkatan dalam bidang keusahawanan.

Sekian, terima kasih.